

MSM CATAT KERUGIAN SEBELUM CUKAI RM363 JUTA BAGI SUKU KEEMPAT TAHUN KEWANGAN 2025 BERIKUTAN ROSOT NILAI RM360 JUTA

Prestasi kewangan MSM terjejas oleh rosot nilai aset bukan kewangan

KUALA LUMPUR, 26 FEBRUARI 2026 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar jenama gula bertapis terkemuka negara “Gula Prai”, mencatatkan kerugian sebelum cukai (LBT) sebanyak RM363 juta bagi suku keempat tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 (S4TK2025), berbanding keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM96 juta yang direkodkan dalam suku yang sama tahun sebelumnya (S4TK2024).

Kerugian suku tahunan yang ketara ini terutamanya disebabkan oleh rosot nilai bukan tunai bagi aset bukan kewangan Kumpulan, berjumlah RM360 juta. Semakan semula, yang dijalankan selaras dengan piawaian perakaunan, didorong oleh penilaian semula nilai aset berdasarkan keadaan operasi semasa. Antara faktor utama yang mempengaruhi semakan semula termasuk peningkatan kerugian yang dicatatkan oleh MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSM Johor), sepanjang tahun, hasil daripada kadar penggunaan kapasiti yang lebih rendah daripada jangkaan serta permintaan jualan yang berkurangan. Selain itu, industri menjangkakan rasionalisasi rangka kerja harga untuk jualan produk tertakluk kepada kawalan harga.

Hasil kumpulan bagi suku tersebut merosot 17 peratus kepada RM783.1 juta daripada RM943.6 juta tahun sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh jumlah jualan yang lebih rendah serta purata harga jualan (ASP) yang menurun. Dari sudut positif, kos pengeluaran mencatatkan penambahbaikan sebanyak 4 peratus, disokong oleh kadar pertukaran asing yang menggalakkan dan kos pengangkutan yang lebih rendah.

Mengulas mengenai keputusan itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM yang baharu dilantik, Dr. Aini Shahr, berkata, "Rosot nilai ini adalah langkah perakaunan yang berhemat untuk menyelaraskan nilai bawaan aset MSM Johor dengan realiti semasa. Ia merupakan pelarasan bukan tunai, berdasarkan andaian terkini mengenai sokongan insentif dan prestasi kilang, dan ia akhirnya mengukuhkan kualiti dan ketelusan laporan kewangan kami."

Dr. Aini menekankan bahawa pelarasan itu tidak memberi kesan segera ke atas kecairan operasi Kumpulan. “Ia tidak memberi impak langsung terhadap operasi harian atau aliran tunai kami. Fokus kami kekal pada pelaksanaan. Kami memberi keutamaan kepada peningkatan jualan, prestasi kilang yang lebih baik, dan disiplin kos yang ketat untuk membina profil pendapatan yang lebih kukuh dan mampan,” tambah beliau.

Bagi tahun penuh berakhir 31 Disember 2025 (TK2025), MSM merekodkan LBT sebanyak RM375 juta, terutamanya disebabkan oleh kesan kumulatif rosot nilai dan persekitaran operasi yang mencabar. Ini berbeza dengan PBT sebanyak RM75.0 juta yang dicatatkan pada TK2024. Hasil keseluruhan tahun susut 12.7 peratus kepada RM3.09 bilion daripada RM3.54 bilion sebelumnya.

Memandang ke hadapan, MSM menjangkakan persekitaran operasi akan kekal mencabar pada 2026 berikutan persaingan yang semakin sengit daripada gula import. Lebihan bekalan global dalam pasaran gula bertapis telah mengakibatkan lebihan di Malaysia, menyumbang kepada penguncupan dalam bahagian pasaran MSM. Sebagai tindak balas, Kumpulan sedang menstruktur semula dan mengoptimumkan operasi sebagai sebahagian daripada usaha untuk kembali mencatat keuntungan. Selain itu, Kumpulan juga terlibat secara aktif dengan Kerajaan bagi memuktamadkan rangka harga penetapan harga yang mampan, bertujuan untuk melindungi keterjaminan makanan negara serta menjamin masa depan industri gula tempatan.

Sejak 1964, MSM telah mengukuhkan kedudukannya sebagai kilang penapisan gula negara yang terkemuka dan antara 10 penapisan terbaik di dunia, mengeksport ke lebih 20 negara sehingga kini, menyediakan produk gula bertapis berkualiti tinggi untuk memastikan keterjaminan makanan Malaysia. Kumpulan kekal komited untuk menyokong keterjaminan makanan Malaysia sambil memajukan kemampanan melalui rangka kerja ESGnya.

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama “Gula Prai”. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2024, MSM mengeluarkan sebanyak 1,104,290 MT gula bertapis, di mana 258,932 MT adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 28 Jun 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM830 juta pada 31 Disember 2024. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama “Gula Prai”. MSM juga turut menjual ‘molasses’ sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti “percaya”, “menganggarkan”, “mengharapkan”, “menjangka”, “berhasrat”, “mungkin”, “akan”, “merancang”, “prospek” dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Syahidah Ismail
+6019 225 9705
syahidah.i@msmsugar.com